

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ IBRAHIM HJ ABDULLAH  
NAIB PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM GERAK RAHMAH KOPERASI KESUBA JPN  
SELANGOR BERHAD**

**13 MAC 2026 (JUMAAT) / 8.15 PAGI  
SURAU JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR,  
SHAH ALAM, SELANGOR**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan Kurnia-Nya dapat kita bersama dalam PROGRAM GERAK RAHMAH KOPERASI KESUBA JPN SELANGOR BERHAD pada bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Koperasi KESUBA JPN Selangor Berhad atas jemputan kepada saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan program ini.
3. Sesungguhnya program seperti ini amat bertepatan dengan semangat Ramadan yang menuntut kita semua untuk memperbanyakkan amalan kebajikan, memperkukuh ukhuwah serta menzahirkan rasa keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan.

### **Hadirin Hadirat Yang Dirahmati**

4. Saya difahamkan bahawa melalui program ini, sebanyak 50 Bakul Rahmah akan diagihkan kepada kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang memerlukan. Inisiatif ini bukan sahaja mampu meringankan beban kewangan penerima, malah mencerminkan nilai kasih sayang

dan kebersamaan dalam kalangan warga koperasi dan komuniti setempat.

5. Peranan koperasi dalam masyarakat bukan sekadar tertumpu kepada aktiviti ekonomi semata-mata, malah turut merangkumi tanggungjawab sosial yang memberi manfaat kepada anggota dan komuniti. Program Gerak Rahmah ini merupakan contoh terbaik bagaimana koperasi boleh memainkan peranan penting dalam aspek kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.
7. Dalam konteks pembangunan negara, gerakan koperasi sentiasa menjadi antara pemangkin penting kepada pembangunan sosioekonomi rakyat. Melalui semangat kerjasama dan prinsip saling membantu, koperasi mampu mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih inklusif dan mampan.
8. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji usaha Koperasi KESUBA JPN Selangor Berhad yang sentiasa aktif menganjurkan program-program yang memberi nilai tambah kepada anggota serta warga Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.
9. Lebih membanggakan, program kebajikan seperti ini turut menyumbang kepada usaha mengimarahkan bulan Ramadan dengan aktiviti yang membawa keberkatan serta memupuk

